



**Pusat Perhubungan Pelanggan**

**Tel** Hubungi **1 300 80 3030** pada kadar tempatan

**Talian Utama** +603 2268 3333

**Emel** customer@amassurance.com.my

**LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Insurans Liabiliti Majikan**

**Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Liabiliti Majikan. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.**

**1. Apakah produk ini?**

Polisi ini menyediakan perlindungan bagi liabiliti anda dari segi undang-undang untuk membayar pampasan kepada pekerja anda bagi kecederaan oleh kemalangan dan/atau penyakit yang dialami oleh mereka, yang timbul daripada kerja.

**2. Apakah perlindungan / faedah yang diberikan?**

Polisi ini membayar ganti rugi kepada anda terhadap liabiliti perundangan untuk membayar pampasan dan kos serta perbelanjaan yang terlibat terhadap liabiliti yang timbul berkaitan kecederaan disebabkan kemalangan atau penyakit yang timbul daripada atau ketika bekerja dengan anda.

Tempoh perlindungan ialah satu tahun dan anda perlu memperbaharui polisi secara tahunan.

**Bidang Kuasa**

Polisi ini tertakluk kepada bidang kuasa di dalam Malaysia sahaja

**3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?**

Caj premium yang dikenakan berbeza-beza mengikut faktor-faktor tertentu. Berikut adalah kriteria utama dalam menentukan nilai premium.

|                                       |   |          |   |
|---------------------------------------|---|----------|---|
| Had Common Law                        | : | RM _____ |   |
| Anggaran Pembayaran Gaji/Upah Tahunan | : | RM _____ |   |
| Kadar Dikenakan                       | : | _____    | % ke atas Anggaran Pembayaran Gaji/Upah Tahunan |
| Jumlah premium teranggar              | : | RM _____ |   |

**4. Berapakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**

Yuran dan bayaran yang anda perlu bayar adalah:

| Jenis  | Amaun                |
|--|----------------------|
| Cukai Perkhidmatan                                 | 6% daripada premium  |
| Duti Setem   | RM10.00              |
| Komisen ejen apabila melibatkan seorang pengantara | 15% daripada premium |

**5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?**

Kepentingan membuat Pendedahan

- MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Adalah menjadi kewajipan pengguna untuk mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans samada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.

Perubahan dalam Risiko

- Anda harus memaklumkan pihak kami atau penantara insurans anda dengan memberi notis bertulis tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh perlindungan polisi untuk memastikan pindaan-pindaan yang wajar diendorskan pada polisi anda

Kewajipan Pihak Yang Diinsuranskan

- Anda tidak harus mengaku liabiliti, menawarkan janji atau bayaran kepada yang menuntut tanpa kebenaran bertulis dari kami. Jika berlaku sebuah tuntutan atau kejadian yang berpotensi mencetuskan sebuah tuntutan, anda harus memaklumkan kami secara bertulis dengan serta-merta.
- Anda dikehendaki mengambil segala langkah yang munasabah untuk mencegah sesuatu kemalangan dan penyakit dan mematuhi kepada semua peraturan undang-undang.
- Anda perlu menyimpan rekod yang tersusun bagi setiap pekerja bersama-sama dengan jumlah upah gaji dan pendapatan lain. Anda harus membekalkan kepada kami upah gaji sebenar dan pendapatan lain yang dibayar sepanjang Tempoh Diinsuranskan dalam tempoh satu bulan daripada tarikh luput polisi ini.

#### Jaminan Premium

- Jumlah premium perlu dibayar dan diterima oleh penginsurans dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh bermulanya polisi ini/pengelesen/sijil pembaharuan.
- Kegagalan membayar premium tersebut pada tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan pembatalan kontrak serta-merta dan AmGeneral berhak ke atas jumlah pro-rata premium sepanjang tempoh anda di dalam risiko.

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada kontrak polisi bagi terma dan syarat-syarat yang terkandung di bawah polisi ini.*

#### 6. Apakah pengecualian utama di dalam polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- a) Liabiliti yang diandaikan dari perjanjian
- b) Perang, Perang Saudara
- c) Perlindungan di bawah Undang-undang Pampasan Pekerja
- d) Kemalangan radioaktif dan senjata bahan nuklear
- e) Ancaman Keganasan
- f) Asbestos
- g) Liabiliti anda terhadap pekerja-pekerja kontraktor

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian yang terkandung di bawah polisi ini.*

#### 7. Bolehkah saya membatalkan polisi ini dan apakah caranya untuk membatalkan?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan, anda berhak ke atas bayaran balik premium berdasarkan kadar tempoh pendek\* di mana tempoh polisi telah berkuatkuasa. Sebarang nilai premium minimum yang dibayar di bawah polisi ini tidak akan dipulangkan. Tiada bayaran balik premium dibenarkan jika terdapat tuntutan di bawah polisi ini.

##### \*Jadual Kadar Tempoh Pendek

| Tempoh tidak melebihi    | Premium Tahunan Yang Dikembalikan |
|--------------------------|-----------------------------------|
| 1 bulan                  | 80%                               |
| 2 bulan                  | 70%                               |
| 3 bulan                  | 60%                               |
| 4 bulan                  | 50%                               |
| 5 bulan                  | 40%                               |
| 6 bulan                  | 30%                               |
| 7 bulan                  | 25%                               |
| 8 bulan                  | 20%                               |
| 9 bulan                  | 15%                               |
| 10 bulan                 | 10%                               |
| 11 bulan                 | 5%                                |
| Tempoh melebihi 11 bulan | Tiada pulangan bayaran            |

#### 8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan di dalam butiran perhubungan saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan kepada maklumat terperinci anda bagi memastikan yang kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

#### 9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**AmGeneral Insurance Berhad**  
Menara Shell,  
No. 211, Jalan Tun Sambanthan,  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Talian Bebas : 1-800-88-6333  
E-mel : [customer@kurnia.com](mailto:customer@kurnia.com)  
Laman Web : [www.kurnia.com](http://www.kurnia.com)

#### 10. Lain-lain perlindungan sejenis yang ada

Tiada.

#### NOTA PENTING:

**ANDA HARUS BERPUAS HATI YANG POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEPATUTNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

AmGeneral Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Informasi yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini adalah sah pada 1 September 2018.